

SIARAN AKHBAR

**Untuk Siaran Serta-Merta
(Isnin, 27 November 2023)**

Sime Darby Berhad Sekali Lagi Catat Prestasi Suku Tahunan Kukuh
Keuntungan dilaporkan meningkat 100% kepada RM589 juta pada S1 TK2024

Petaling Jaya, 27 November 2023 – Sime Darby Berhad telah mencatatkan untung bersih lebih tinggi sebanyak RM589 juta bagi suku pertama berakhir 30 September 2023 (S1 TK2024). Prestasi ini dipacu terutamanya oleh strategi perniagaan berkesan oleh Kumpulan, yang menyaksikan bahagian Perindustrian kembali mencatatkan prestasi kukuh pada suku tahun yang dilaporkan berbanding suku tahun yang sama pada TK2023.

Hasil Kumpulan bagi S1 TK2024 sebanyak RM13.98 bilion, adalah 14.8 peratus lebih tinggi berbanding RM12.18 bilion pada S1 TK2023.

Untung sebelum faedah dan cukai bagi bahagian Perindustrian meningkat sebanyak 65.7 peratus kepada RM358 juta pada suku tahun semasa, didorong oleh kenaikan untung dari operasi di Australia, daripada RM186 juta kepada RM309 juta. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah melalui hasil lebih tinggi yang dijana daripada perkhidmatan sokongan produk dan sumbangan untung daripada Onsite Rental Group (Onsite), yang diambil alih oleh Kumpulan pada April 2023.

Untung sebelum faedah dan cukai secara keseluruhan bagi bahagian Automotif meningkat sebanyak 15.3 peratus kepada RM203 juta walaupun dihipit kemelesetan berterusan di China yang menyebabkan margin untung lebih rendah bagi operasi di Tanah Besar China. Prestasi bahagian Automotif yang positif secara keseluruhannya dicapai menerusi operasi Malaysia, yang menunjukkan prestasi kukuh dengan kenaikan 80 peratus dalam untung sebelum faedah dan cukai.

Keputusan yang dicatatkan merangkumi keuntungan sebanyak RM251 juta daripada penjualan tanah MVV kepada Sime Darby Property Berhad.

“Walaupun menghadapi ketegangan geopolitik dan keadaan ekonomi yang amat mencabar, kami berasa senang hati kerana dapat memulakan TK2024 dengan catatan yang positif. Bahagian Perindustrian secara khususnya telah mencatatkan pertumbuhan mantap dengan peningkatan ketara sebanyak 65.7 peratus pada suku pertama. Pencapaian ini dipacu oleh permintaan lebih kukuh bagi perkhidmatan sokongan produk dan sumbangan positif daripada Onsite, salah satu peneraju pasaran terkemuka dalam menyediakan penyelesaian peralatan sewa kepada pelanggan dari pelbagai industri di pasaran Australia.

“Kami juga berjaya menyempurnakan pemerolehan Cavpower Group, pengedar Caterpillar bagi Australia Selatan. Australia Selatan merupakan pangkalan bagi lebih 150 syarikat perlombongan, dan kami yakin terdapat peluang yang besar bagi perniagaan sewa dan peralatan berat. Langkah ini adalah sejajar dengan Pelan Induk Strategi 5 tahun kami, yang menggariskan rangka kerja strategik yang akan memandu operasi kami dari TK2024 hingga TK2028 dan membolehkan kami memanfaatkan kekuatan dan meluaskan keupayaan di



Delivering
Sustainable
Futures

seluruh rantai bekalan kami," kata Dato' Jeffri Salim Davidson, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Sime Darby Berhad.

"Dengan kerjasama rakan usaha sama kami, Ramsay Health Care Limited, kami juga baru-baru ini memeterai perjanjian jual beli (SPA) dengan Columbia Asia Healthcare Sdn Bhd pada 10 November 2023, untuk menjual Ramsay Sime Darby Health Care Sdn Bhd (RSDH) pada harga RM5.68 bilion. Nilai ekuiti ini ditentukan berdasarkan nilai perusahaan berjumlah RM6.06 bilion. Jualan RSDH merupakan langkah kami untuk keluar sepenuhnya daripada bidang penjagaan kesihatan, untuk membolehkan kami memberi tumpuan sepenuhnya kepada dua perniagaan teras kami, Perindustrian dan Automotif.

"Walaupun tahun kewangan bermula dengan kukuh bagi TK24, kami sememangnya peka terhadap risiko yang dihadapi dalam tempoh yang mendatang memandangkan tinjauan ekonomi global yang kurang baik. Kami akan terus bergantung kepada kekuatan kami dan mengekalkan tumpuan dalam mencapai Pelan Tindakan Strategi ini. Meninjau ke hadapan, kami sangat yakin bahawa pemerolehan UMW akan membantu kami meluaskan sumber pendapatan dan membolehkan kami menembusi segmen pasaran lebih besar, sambil memanfaatkan kekuatan dan keupayaan terbukti kami dalam sektor automotif. Selaras dengan itu, para pemegang saham kami telah memberikan sokongan terhadap cadangan kami untuk mengambil alih kepentingan 61.2% milik Permodalan Nasional Berhad dalam UMW Holdings Berhad. Kelulusan ini sangat penting untuk menyempurnakan perjanjian tersebut, yang akan meletakkan kami pada kedudukan yang kukuh untuk menjadi peserta automotif utama di Malaysia," rumus Dato' Jeffri.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Tan Yee Pheng

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60193816330

E-mel: tan.yee.pheng@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawai prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja kira-kira 20,000 kakitangan dan kehadiran di 17 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM16.15 bilion (USD3.45 bilion) setakat pada 24 November 2023. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.simedarby.com>